

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 8.

BANDAR BRUNEI, RABU, 15 APRIL, 1959 (6 Shawal, 1378)

PERCHUMA

Perhubungan pertadbiran dengan Sarawak akan putus

JAWATAN BR. HAPUS DI - BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Perhubungan pertadbiran antara Brunei dengan Sarawak akan di-putuskan apabila Negeri Brunei mendapat satu perlembagaan yang bertulis dan satu perjanjian baharu di-tanda tangani dengan Kerajaan British dalam tahun ini.

Ini telah di-umumkan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan baginda memberi laporan atas kejayaan rundingan perlembagaan yang di-adakan di-London dengan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British Tuan Alan Lennox Boyd, baharu2 ini.

Dalam ucapan itu baginda berkata bahawa rundingan selama dua minggu hingga 6 April itu telah di-jalankan dalam suasana saling mengerti dan persahabatan.

"Tuntutan2 besar Brunei hampir semua-nya di-luluskan oleh Kerajaan British," kata baginda.

Baginda telah berucap dihadapan pembesar2 negrei, ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, ketua2 Pejabat dan ra'ayat yang telah datang ka-padang bandar ini sa-baik sahaja baginda sampai dari London dengan kapal terbang.

Sa-lanjut-nya baginda berkata bahawa perlembagaan itu akan di-ishtiharkan butir2-nya apabila perjanjian baharu dengan kerajaan British di-tanda tangani di-Brunei.

"Rang perjanjian itu telah pun kami tanda tangani di-London sa-belum bertolak balek ka-Brunei," kata baginda lagi.

Duli Yang Maha Mulia telah

memberi jaminan dalam ucapan itu bahawa perlembagaan itu akan di-ishtiharkan, jika boleh

PERJANJIAN AKAN DI-METERIKAN DI-BRUNEI TIDAK LAMA LAGI

BANDAR BRUNEI. — Taraf Negeri Brunei di-dunia international bertambah tinggi apabila satu perjanjian baharu di-tanda tangani di-sini tidak lama lagi.

Ini telah di-lafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia menerusi dalam ucapan Selamat Hari Raya baginda pada malam Juma'at yang lalu.

Dalam ucapan itu baginda telah mengulas sa-kali lagi laporan baginda kepada ra'ayat di-padang bandar ini pada pagi itu.

"Tahun ini ada-lah tahun yang gembilang dalam sejarah chemerlang Negeri Brunei kerana dengan izin Allah dan berkat doa tuan2 sakalian Negeri Brunei akan mempunyai perlembagaan

pada 1 July hadapan ini dan sa-lewat2-nya pada 30 September tahun ini.

Perlembagaan itu akan meninggikan taraf Negeri Brunei kerana sa-lain dari mendapat hak memerintah sendiri dalam negeri, Kerajaan British akan di-wakili di-negeri ini oleh sa-orang Pesuruh Jaya Tinggi.

Jawatan British Resident akan di-hapuskan dan pertadbiran negeri akan di-serahkan kepada sa-orang pegawai Melayu yang akan di-gelar Menteri Besar.

yang berutlis untuk menetapkan pemerintahan negara bagi masa yang akan datang," kata baginda.

"Saya berdoa mudah2an tanggong jawab yang berat yang akan di-pikul oleh ra'ayat itu akan di-jalankan untuk kesempurnaan dan kebahagiaan negara dan ra'ayat," kata baginda lagi.

Sa-terus-nya baginda berkata bahawa satu perjanjian baharu dengan Kerajaan British akan juga di-tanda tangani dalam tahun ini.

"Perjanjian itu akan meninggikan taraf Negeri Brunei di-dunia international kerana chadangan hendak menghapuskan jawatan British Resident telah di-persetujui oleh Kerajaan British dan sa-baik sahaja perlembagaan itu di-kuatkuasakan Kerajaan British akan di-wakili di-Negeri Brunei oleh sa-orang Pesuruh Jaya Tinggi kata baginda.

Ucapan Selamat Hari Raya itu di-tuturkan kepada ra'ayat baginda dari segala bangsa tetapi khas-nya kepada yang beragama Islam dan umat Islam seluruh-nya.

Turut memberi ucapan Selamat Hari Raya kapad ra'ayat pada malam itu ia-lah Yang Berhormat Tuan D. C. White, British Resident Brunei.

Dalam ucapan itu Tuan White telah menegaskan bahawa itu-lah ucapan-nya yang penghabisan sa-bagai British Resident.

JAMUAN TEH MENYAMBU KEJAYAAN ROMBONGAN

BANDAR BRUNEI. — Junjong kaseh ra'ayat kapada Duli Yang Maha Mulia dan rombongan baginda atas kejayaan dalam rundingan perlembagaan yang di-adakan di-London itu telah di-sembahkan dalam satu majlis jamuan teh di-kawasan Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada petang hari Ithnin lepas.

Majlis itu telah di-adakan oleh Jawatan Kuasa Perangkatan Duli Yang Maha Mulia yang diketuai oleh Pemangku2 Raja, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Dalam ucapan junjong kaseh itu, setiausaha jawatan kuasa tersebut, Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar berkata:

"Jamuan ini ada-lah sa-bagai memberi selamat kepada keberangkatan tuan patek dan rombongan dan menjadikan tanda peringatan kepada kejayaan perundingan yang telah di-jalankan di-London.

"Majlis ini ia-lah juga di-adakan sa-bagai memperingati hari yang bersejarah itu.

Inche Jamil berkata lagi: "Walaupun pun hasil perundingan itu belum di-ketahui dengan jelas butir2-nya tetapi jika di-pandang pada titah Duli Yang Maha Mulia, dapat-lah kita ketahui bahawa Negeri Brunei akan memperoleh kedudukan yang lebeh baik.

"Tegas-nya Brunei akan menjalankan pemerintahan sendiri oleh anak negeri menerusi perwakilan dan badan2 permeshuaratan dan juga akan melantek sa-orang Menteri Besar yang akan mengelolakan pemerintahan negeri ini.

"Jika mengikut hasil keputusan perundingan itu terbukti pada kita bahawa nasib ra'ayat negeri ini yang dahulunya tertinggal di-belakang akan dapat mengikut kemajuan dunia berdiri sama tinggi berjalan sama mara dengan bangsa2 lain di-dunia ini."



Sa-bagai menyambut keberangkatan balek Duli Yang Maha Mulia dan rombongan baginda dari rundingan perlembagaan di-London Bandar Brunei telah di-hiasi dan rumah2 di-Kampong Ayer dan darat berhuchul. Ini ia-lah satu dari beberapa buah pintu gerbang yang telah di-dirikan.

TUDOHAN BUNOH KA-ATAS ORANG TAHANAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang laki2 bangsa Anglo-Indian yang tinggal di-sini telah di-tudoh membunuh sa-orang budak laki2 China, Goh Chai Hing, berumur 9 tahun apabila penyiasatan atas kematian budak itu di-tamatkan di-mahkamah sini baharu2 ini.

Mayat Goh telah di-jumpai dalam keadaan bogel di-belakang sekolah St. George School, Bandar Brunei pada pagi 5 January ia-itu dua hari sa-telah ia di-dapati tidak balek ka-rumah sa-lepas keluar membeli gula2 di-kedai.

Penyiasatan itu telah di-tad-birkan oleh Stipendiary Magistrate Tuan R.G.P.N. Combe dan berjalan sa-lama tiga hari.

Pada akhir penyiasatan Tuan Combe telah berkata kepada orang yang di-tudoh, George Edward Muriel:

"Saya puas hati dengan tidak shak sedikit pun bahawa budak itu, Goh Chai Hing telah di-bunuh. Saya juga puas hati bahawa dengan pandangan sapintas lalu satu tudohan boleh di-buat ia-itu budak itu telah kamu bunuh."

Keterangan perubatan telah di-beri dalam penyiasatan.

Keterangan itu mengatakan bahawa budak itu telah mati oleh sebab perjalanan nafas-nya tersekat. Budak itu telah juga mendapat kekejaman sama ada sa-masa ia tidak khabarkan dirinya atau sa-telah mati.

Sa-belum keputusan tudohan membunuh itu di-hadapkan kepada Muriel, ia telah di-benarkan memberi keterangan.

Muriel berkata bahawa ia telah di-tangkap kerana kesalahan di-bawah undang2 imigresen dan telah ditahan di-penjara Jerudong.

Jamuan Hari Raya kepada orang sakit dan banduan

BANDAR BRUNEI. — Orang sakit di-rumah sakit Kerajaan Brunei dan banduan2 di-penjara Jerudong telah di-jamu dengan kueh2 Hari Raya dan minuman oleh Persatuan Islam Brunei baharu ini.

Orang2 sakit dan banduan2 telah di-jamu oleh Persatuan itu semenjak beberapa tahun sa-hari atau dua sa-belum hari Raya.

Hadiah2 telah juga di-sampaikan kepada mereka itu oleh jawatan kuasa kechil persatuan tersebut.

Jawatan kuasa kechil itu terdiri dari Awang Hussin bin Pehin Orang Kaya di-Gadong, Pengiran Momin bin Pengiran Othman, Awangku Monin bin Pengiran Damit dan Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Awang Umar.

wang jaminan untuk tinggal di-sini.

Tahanan kali ini kata-nya telah menyebabkan dia "pusing kepala".

Kematian budak itu, kata Muriel di-ketahui-nya bagi kali pertama-nya di-penjara Jerudong ia-itu apabila sa-orang yang di-kurung di-sabelah bilek-nya me-mekekkan "Potong parang".

Lepas itu Muriel mendengar pula banduan2 dalam penjara itu mengatakan dia telah di-tahan di-penjara itu oleh sebab2 yang berkenaan dengan "Soh Chai".

Dari perbualan2 lain Muriel telah mendengar lain2 hal berkenaan dengan pembunuhan itu.

Tudohan itu telah di-nafikan oleh Muriel. "Tidak, saya tidak melakukan perkara itu," kata-nya.

Pada hari di-tangkap ia-itu 6 January, Muriel ada-lah dalam perjalanan-nya ka-Istana hendak mengadap Duli Yang Maha Mulia kerana hendak memohonkan bantuan sa-banyak \$500 yang di-katakan-nya di-kehendaki untuk melepaskan diri-nya dari di-tahan di-penjara.

Muriel berkata lagi bahawa dia telah di-tahan oleh pehak imigresen dalam tahun 1951 dan 1952 dan pada kali ini kerana tidak mampu mengadakan

KUNJONGAN DARI PENUNTUT2



Penuntut2 Brunei di-London tidak ketinggalan mengunjongi rombongan perlembagaan Brunei yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia sa-masa rombongan itu berada di-Grosvenor House, sa-buah hotel yang terkemuka di-London. Gambar menunjukkan Inche Isa bin Haji Ibrahim kiri dan Inche Zaini bin Haji Ahmad bergambar dengan Inche Marsal bin Maun, Pengiran Mohamed Yusof dan Pengiran Ali.

Gadis Iban di-tudoh membunuh pemuda

KUALA BELAIT. — Sa-orang perempuan Iban yang muda rupapawn telah di-tudoh menyebabkan kematian sa-orang laki2 dengan niat tidak membunuh apabila penyiasatan atas kematian Bana anak Gilan di-tamatkan dalam mahkamah di-sini baharu2 ini.

Perempuan Iban itu, Dungai anak Radin, di-katakan telah menyebabkan kematian Bana, berumur 20 tahun di-Ulu Semburu pada 27 January yang lalu.

Penyiasatan itu telah di-uruskan oleh Stipendiary Magistrate Tuan R.G.P.N. Combe.

Keterangan2 yang di-beri da-

la mpenyiasatan itu mengatakan bahawa mayat Bana telah di-jumpai oleh Polis di-Ulu Semburu pada 28 January. Luka2 yang parah telah di-dapati pada badan Bana.

Apabila di-tanya oleh magistrat sama ada ia hendak memberi kenyataan dalam penyiasatan itu atau dalam perbicharaan kelak, Dungai telah menjawab: "Saya tidak mahu berkata apa2. Saya telah bunuh dia, Sa-ya akan berkata demikian di-hadapan hakim."

Mahkamah telah di-beri tahu bahawa si-mati itu telah kana pukul pada kepala-nya dan pe-

Pertandingan bacaan Koran di-Mesjid

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan bacaan Koran al Karim telah di-adakan petang samalam di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini di-antara chalon2 dari seluruh negeri.

Peraduan itu ia-lah satu dari acara sambutan ketibaan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan baginda dari United Kingdom sa-lepas berada di-London kerana merundingkan perlembagaan Brunei dengan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British, Tuan Alan Lennox Boyd.

Chalon2 telah di-pilih dari tiap2 daerah untuk bertanding dalam bahagian laki2, perempuan, kanak2 laki2 dan kanak2 perempuan.

Majlis peraduan telah berlangsung mulai pukul 4.00 petang dan di-buka dengan satu ucapan ringkas oleh pengurus Jawatan Kuasa Peraduan Bacaan Koran, Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Awang Umar.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar telah menyampaikan paikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan itu.

BENDERA HIASI IBU KOTA NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Bendera2 telah di-kibarkan sa-lama enam hari hingga sa-malam kerana mengalu2kan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan baginda balek dari London.

Baginda telah sampai di-Brunei pada 9 April sa-telah berada di-London hampir tiga minggu kerana merundingkan satu perlembagaan bertulis bagi Negeri Brunei dengan Kerajaan British.

Luka2 telah juga di-dapati pada lengan, tangan dan lain2 bahagian badan-nya.

Di-antara saksi2 yang memberi keterangan ia-lah saudara perempuan Dungai, Mih anak Radin.

Mih berkata bahawa pada masa kejadian itu ia tinggal di-Ulu Semburu di-rumah Bana anak Gilan bersama dengan Dungai yang biasa-nya tinggal di-rumah itu.

"Awal pagi itu Dungai dan Bana telah keluar bersama kerana hendak pergi ka-Kuala Semburu."

\$70 JUTA UNTOK MENGHUBONGKAN KAMPONG DAN BANDAR DI-SELUROH NEGERI

Pekerjaan membenakan jalan2 raya di-Negeri Brunei ada-lah satu perkara yang agak-nya susah dari lain2 negeri oleh sebab negeri ini kekurangan bahan2 untuk membenakan jalan2 yang di-perlukan oleh kenderaan yang berat yang makin lama makin banyak di-gunakan di-sini.

Sa-belum perang dunia kedua Brunei menggunakan tiga mamacham bahan sa-bagai asas jalan2 ia-itu, batu karang, batu pasir besar dan batu pasir kecil.

Batu karang sangat mahal kerana ia-nya di-dapati dari laut Telok Brunei dan batu itu tidak sa-suai untuk menahan tekanan kereta2 yang besar dan berat yang menggunakan jalan2 raya negeri ini.

Batu pasir, sama ada jenis besar atau kecil, banyak di-dapati di-negeri ini tetapi ia-nya sangat repoi dan mudah pecah apabila terdedah pada hujan dan angin.

Untong-nya kesusahan2 itu telah dapat di-atasi berikutan dengan beberapa perhubungan yang di-jalankan oleh pihak Pejabat Kerja Raya di-bawah pimpinan Tuan G. T. Myles, Jurutera Negeri.

Dalam satu risalah, Tuan Myles telah menchatetkan penyiasatan atas bahan2 yang di-fikirkan baik di-jadikan asas jalan raya negeri.

Akhir-nya beliau telah berjaya dengan champorn semen dan tanah. Champorn itu keras dan baik untuk di-jadikan asas jalan2 raya di-negeri ini.

Sungguh pun Pejabat Kerja Raya telah memberi keutamaan dalam pembenaan jalan2 raya maseh banyak lagi kampung2 dan bandar2 di-negeri ini yang belum mendaapt perhubungan jalan raya yang lebih baik dari yang ada sekarang.

Dalam rancangan membenakan jalan wang sa-banyak \$70,000,000 mungkin di-belanjakan kerana membenakan 280 batu jalan raya untuk menghubungkan tiap2 bandar di-negeri ini.


Jalan2 itu di-bena dengan bersungguh2 semenjak tahun 1953 dan pada hari ini lebih 100 batu telah di-buka. Jalan yang penting sa-kali yang telah di-buka ia-lah jalan yang menghubungkan Bandar Brunei dengan Kuala Belait. Jalan itu 68 batu panjang-nya.

Jalan ka-pantai Berakas sa-jauh 9½ batu telah juga di-siapkan dan lebih kurang 20 batu jalan2 raya di-kawasan Bandar Brunei telah di-bena atau dilebarkan semenjak tahun tersebut.

Untok menderaskan kerja



Kiri: Jentera Single Pass Stabilizer sedang di-gunakan dan kanan pemandangan jentera Single Pass Train.



membenakan jalan2 raya di-negeri ini Pejabat Kerja Raya telah dilengkapi dengan jentera pembenakan jalan raya yang moden.

Di-antara jentera2 itu ialah:

- ◆ Rotary Hoes Trailing Rotavator,
- ◆ Seamen's Trav-L Plant,
- ◆ Rotary Hoes Single Pass Train dan
- ◆ P. and H. Single Pass Stabilizer.

Sa-lain dari jentera2 khas ini berbagai2 jenis jentera perata tanah, seperti grader, jentera lipan, tipper roller dan lain2-nya ada-lah di-gunakan untuk merta, menimbus dan memotong tanah yang hendak di-jadikan jalan raya itu.

Sa-telah tanah itu di-siapkan untuk di-jadikan tapak jalan champorn semen tanah itu di-pakai sa-bagai ganti batu pejal yang biasa-nya di-gunakan di-negeri2 lain.

Batu pejal ada-lah juga di-gunakan pada jalan2 raya negeri ini — Batu itu di-kisar sa-hingga menjadi "chipping" ia-itu besar sedikit dari pasir kasar.

Chipping itu di-jadikan "hot-mix", satu champorn untuk melapek jalan supaya muka-nya rata dan tidak membahayakan kereta2 yang menggunakan jalan itu.

Chipping itu di-beli dari Hongkong dan di-bawa ka-sini dengan kapal.

Sungguh pun batu pejal boleh di-dapati dari Sarawak tetapi perbelanjaan mengeluarkan batu yang lebih dekat itu ada-lah lebih mahal dari membeli dari Hongkong.

"Ini ia-lah kerana kereta dan kapal2 yang akan membawa batu itu dari Sarawak pergi kosong tidak membawa dagangan lain," kata Tuan Myles.


Pembenaan jalan raya yang di-ranchangkan sa-panjang 280 batu akan berjalan beberapa tahun lagi.

Pada masa ini Pejabat Kerja Raya bergiat hendak menghabiskan pembenaan jalan dari Bandar Brunei ka-Muara sa-jauh 16 batu.

Jalan ka-Labi, sa-buah kampung di-pendalaman negeri ini sedang di-bena. Jalan itu akan



Semen baharu sahaja di-tuangkan, keadaan-nya maseh lagi gembor.



Sa-buah jentera tangki ayer di-gunakan untuk membasahkan semen supaya keras.

menghubungkan kampung itu dengan Bandar Kuala Belait.

Dari batu 18 Jalan Tutong, sa-batang jalan raya sedang di-bena untuk menghubungkan Kuala Abang dengan Bandar Brunei.

Apabila rancangan pembenaan jalan itu siap kelak Brunei akan mendapat perhubungan jalan raya dengan Temburong melalui jalan yang merintang kawasan Limbang, Sarawak, ka-Bangar, aDerah Temburong.

Jalan itu akan merintang Daerah Temburong hingga ka-Lawas, Sarawak, dan mungkin menjadi sa-bahagian jalan besar yang di-chadangkan menghubungkan Kuching dengan Jesselton di-Borneo Utara.

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei

Rabu, 15 April, 1959.

**PERLEMBAGAAN
MENINGGIKAN
TARAF BRUNEI**

Perjanjian baharu untuk menggantikan perjanjian tahun 1906 yang akan di-tanda tangani di-Brunei di-antara Kerajaan Negeri Brunei dengan Kerajaan British itu tidak shak lagi akan meninggikan taraf negeri ini dalam segi perhubungan-nya dengan dunia internasional.

Perjanjian itu akan menghapuskan jawatan British Resident yang semenjak tahun tersebut telah mengetahui bukan sahaja pertadbiran negeri Brunei bahkan bertanggung jawab dalam perhubungan negeri ini dengan negeri2 asing.

Apabila perjanjian itu di-tanda tangani kelak keadaan itu akan berubah. Britain akan di-wakili di-negeri ini oleh sa-orang pegawai British yang lebih kanan yang hanya berkuasa memberi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia dalam pemerintahan negeri. Pertadbiran negeri pula akan di-ketuai oleh sa-orang Melayu anak Brunei yang di-gelarkan Menteri Besar.

Perjanjian baharu itu juga akan meninggikan kedudukan ra'ayat dalam pemerintahan di-bawah satu perlembagaan yang bertulis yang akan di-sharatkan dalam perjanjian itu kelak.

Kuasa pemerintahan yang akan di-beri kepada ra'ayat ia-lah melalui Majlis2 Meshuarat Daerah dan Majlis Undangan yang mengandungi bilangan ahli2 yang tidak rasmi lebih dari ahli2 rasmi.

Dengan suara ra'ayat yang lebih banyak bilangan-nya itu nasib ra'ayat dan kesempurnaan dan kebahagiaan negara di-masa akan datang akan terserah kepada kebijaksanaan ra'ayat sendiri.

Jawatan2 tinggi dalam pertadbiran negeri pula akan di-penuhi oleh anak negeri. Jaminan ini telah pun di-beri oleh Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan baginda melaporkan kejayaan yang telah di-chapai dalam rundingan yang di-adakan oleh rombongan perlembagaan Brunei dengan wakil2 Kerajaan British di-London pada hujung bulan March dan minggu pertama bulan April ini.

Mengikut peratoran pertadbiran yang akan di-jalankan di-bawah perjanjian dan perlembagaan itu ketua2 pejabat yang sekarang ini di-pinjam dari Sarawak akan digantikan dengan pegawai2 tempatan.

**Tali persahabatan Brunei – Britain berpanjangan
'BRUNEI SEDIA MENOLONG U.K.'**

Sa-bagaimana yang telah di-umumkan oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri di-padang Bandar Brunei pada 9 haribulan April ini rundingan perlembagaan yang di-adakan di-London antara rombongan Brunei dengan wakil2 Kerajaan British telah di-jalankan dalam suasana muhibbah dan persahabatan. Kedatangan rombongan itu telah di-sambut baik oleh Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British, Tuan Alan Lennox-Boyd.

Brunei telah mendapat kejayaan penuh. Tuntutan2 besar rombongan itu telah di-perse-tujukan oleh Kerajaan British.

Di-bawah ini ia-lah ucapan Duli Yang Maha Mulia dalam persidangan penuh perwakilan Brunei dan British yang berakhir dengan Kerajaan British bersetuju dengan satu perlembagaan bertulis bagi Negeri Brunei dan satu perjanjian baharu untuk mengekalkan tali persahabatan Brunei dengan Britain :

“Beta rasa perbinchangan kita ini akan membawa hasil yang baik. Perkataan beta yang bagini ada-lah di-galakkan oleh dua perkara, ia-itu tuan sendiri telah menunjukkan kechen-derongan yang kuat dalam hal ehwal kami. Beta mula membinchangkan dengan tuan fasal kemajuan perlembagaan Brunei, tuan nasihatkan supaya penyelidikan di-jalankan dahulu sa-belum kita bertemu balek buat memutuskan beberapa soal. Dalam masa perantaraan itu banyak kerja perin-

tis jalan yang telah di-perbuat dan, pada rasa beta, tiada lagi kerja yang boleh di-perbuat dengan memberi hasil jika soal2 dasar yang telah berbangkit sekarang ini tidak di-selesaikan terlebih dahulu.

“Kerajaan Baginda Queen telah mengumumkan satu dasar buat mendidik dan menggalakkan kemajuan perlembagaan, dalam tiap2 negeri di-bawah naungan Baginda Queen. Chara dan chepat-nya kemajuan itu berlainan dari satu tempat ka-satu tempat yang lain mengikut perbezaan keadaan di-tempat2 itu.

Chepat-nya kemajuan iktisad (economic) dan masyarakat yang telah di-alamai oleh orang2 Brunei dalam beberapa tahun yang baharu lalu ini dan chita2 kami buat negeri Brunei di-masa yang akan datang menyebabkan kami mengambil keputusan bahawa masa-nya telah sampai buat memajukan perlembagaan negeri kami supaya dapat anak2 negeri, menerusi wakil2 mereka, mengambil bahagian dalam pemerintahan negeri kami.

Kami tidak lupa tentang perhubungan yang lama lagi mesra di-antara negeri2 kita kedua; satu perhubungan yang tidak pernah di-halangi oleh pertelingkahan yang besar. Kami juga tidak lupa tentang peranan yang mustahak yang telah di-tugaskan oleh wakil Baginda Queen dalam perubahan chatoran sisasah dalam negeri kami.

Kami terhutang budi kepada Kerajaan Baginda Queen kerana pentadbiran-nya yang 'adil lagi bijaksana. Tidak ada sebab yang boleh mengganggu penerusan perhubungan baik ini buat beberapa tahun yang akan datang. Kami berani berkata bahawa di-masa ka-muka, seperti yang sudah2, perhubungan ini akan menjadi satu puncha yang akan menyukakan dan memuaskan hati.

Hasil2 dari negeri kami yang kecil telah pun menolong Britain yang besar ini juga orang2 British. Britain terus mendapat hasil2 ini; penerusan-nya chuma akan terancham bila perasaan baik dan persafahaman menjadi kurang.

Nampak-nya ada-lah berfaedah bagi kedua2 negeri kita meneruskan semua perhubungan2 kita, baik apa pun chorak perlembagaan Brunei yang akan datang. Sa-benar-nya, perhubungan ini akan di-iratkan lagi oleh kemajuan2 perlembagaan Brunei yang menerima sokongan dan kerjasama yang penuh lagi kuat daripada kerajaan Baginda Queen.

Kerajaan Baginda Queen memang berasa bangga tentang hasil kejayaan-nya di-negara tetangga kami, Persekutuan Tanah Melayu. Bahkan di-awal kurun ini Kerajaan Baginda Queen menganggap kejayaan dasar-nya di-negeri itu sa-bagai satu chontoh yang sesuai dan patut di-turuti oleh negeri2 dalam daerah ini. Oleh itu tidak-lah menjadi kehaira-

(Lihat Muka 8)



Rombongan perlembagaan Brunei begambar di-Grosvenor House, London tempat persemayaman Duli Yang Maha Mulia sa-masa berada di-United Kingdom. Duduk dari kiri: Pengiran Ali, Duli Pengiran Pemancha, Duli Yang Maha Mulia, Pengiran Yusof, Dato Haji Ibrahim. Berdiri dari kiri: Jawatan Dalam Haji Mohamed Nor, Inche Marsal, Dato Mohamed Abbas (juruiring), Pengiran Haji Abu Bakar, Orangkaya Shahbandar dan Orangkaya Laksamana Haji M. Taha.

Pasar malam menyambut rombongan DYMM Latehan pegawai2 Radio

BANDAR BRUNEI.— Satu temasha pasar malam yang meriah telah di-adakan di-padang Bandar Brunei berturut2 pada malam 13 dan 14 April.

Pasar malam itu ia-lah di-antara beberapa perayaan kerana menyambut ketibaan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan baginda dari United Kingdom sa-lepas berada di-London hampir tiga minggu merundingkan satu perlembagaan yang bertulis bagi Negeri Brunei.

Enam buah pentas telah dibena di-padang tersebut untuk ahli2 permainan yang mengembirakan para penuntut.

Satengah2 dari permainan itu ia-lah panchak silat, wayang China, tarian asli Brunei ronggeng dan joget modern.

Kumpulan2 hadrah dari seluruh negeri telah juga mengambil bahagian.

Permainan2 itu telah menarik hampir 10,000 orang ra'ayat dari seluruh pelusok rantau Negeri Brunei.

Pemandangan pada malam itu sangat meriah dengan suasana yang aman tenteram.

Di-sana sini jalan2 raya telah penuh sesak dan sibok kerana manusia berduyon2 menyaksikan keindahan malam itu.

Kedai2, bangunan2 dan rumah telah di-hiasi dengan lampu yang beraneka warna dan di-ator pula dengan berbagai2 rupa yang menarik perhatian dan mengagumkan yang melihatnya.

Keadaan itu telah berjalan

semenjak Duli Yang Maha Mulia tiba dari London pada hari Khamis 9 haribulan ini.

Pintu2 gerbang yang besar2 dan indah telah juga di-dirikan sa-bagai satu dari perhiasan bandar menyambut ketibaan Duli Yang Maha Mulia.

Bangunan2 kerajaan telah disinari dengan lampu warna warni yang terang benderang.

Kampung Ayer pula tidak kurang indah-nya pada malam hari. Rumah2 di-kampung itu telah berchuchul menghormati Duli Yang Maha Mulia.

BANDAR BRUNEI.— Tiga orang pegawai Radio Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura hari ini dalam perjalanan mereka ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk mendapat latehan dalam perkhidmatan radio.

Mereka itu ia-lah sa-orang penolong peranchang bahagian Melayu Inche Abu Bakar bin Ahmad dan dua orang penolong teknikal, Inche Jaafar bin Nor-din dan Inche Zaini bin Omar. Pegawai2 itu akan berada di-Malaya sa-lama enam bulan.

Hujan lebat ta' halang penuntut sandiwara

BANDAR BRUNEI.— Sandiwara aneka warna semua bangsa yang di-persembahkan dua malam berturut2 pada 11 dan 12 April di-dewan Civic Centre di-sini telah mendapat sambutan meriah dari para penuntut.

Sandiwara itu telah di-adakan kerana kutipan derma kepada tabung derma Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei yang baharu di-tubuhkan itu.

Ticket2 hampir semua-nya habis di-jual dan dari luar dewan itu beratus2 orang telah menuntun dengan perchuma. Mereka itu tertarik oleh suara merdu dan lawak jenaka yang di-persembahkan.

Tuntunan pada malam kedua juga memuaskan. Hujan lebat tidak menghalang peminat2 seni semua bangsa datang ka-dewan itu.

Di-antara penuntut pada malam pertama ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda

Hassanal Bolkiah dan beberapa orang adinda-nya.

Biduan dan bi-duanita dan penari2 telah memberi perkhidmatan dengan sukarela. Mereka itu datang dari Kuala Belait, Seria dan Bandar Brunei.

Sandiwara itu di-adakan di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia.

Baginda dan Yang Berhormat British Resident Brunei telah menyampaik-kan ucapan tahniah atas kejayaan sandiwara itu.



Dua orang gadis, sa-orang Melayu, Saharah binti Ahmad, atas dan sa-orang China, Ooi Hoon Chee, bawah ia-lah di-antara beberapa orang gadis jelita yang telah mengambil bahagian dalam sandiwara itu.



TEMASHA LUMBA PERAHU — KEPUTUSAN PENOH

BANDAR BRUNEI.— Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 perahu yang telah menang dalam temasha perlumbaan perahu yang di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad lepas.

Keputusan penoh ada-lah seperti berikut:

Perahu 15 orang: 1 Teripas, 2 Suroi Palang 3 Kumala; **Perahu sa-orang:** 1 Bunga Rampai, 2 Ribut Malam, 3 Anak Teripas; **Perahu 10 orang:** 1 Ikan Temberlang, 2 Suroi Palang, 3 Kumala Hikmat; **Perahu 2 orang:** 1 Tekokor, 2 Sambangan, 3 Senang Hati; **Perahu 20 orang:** 1 Naga Sari, 2 Seri Ganti, 3 Teripas.

Perahu 3 orang: 1 Suka Hati, 2 Senang Hati, 3 Sampai Hajat; **Lumba outboard 35 hp:** 1 Seri Batang, 2 Kaseh Sayang; **Perahu 5 orang:** 1 Senang Hati, 2 Suka Hati, 3 Sampai Hajat; **Outboard 4 hp:** 1 Seri Kampung

2 Penjulong, 3 Naga Sari; **Perahu 20 orang:** 1 Teripas, 2 Kumala Hikmat, 3 Naga Sari; **Perahu 15 orang:** 1 Suroi Palang, 2 Teripas, 3 Ikan Temberlang, **Perahu 30 orang:** 1 Awan Belari, 2 Teripas, 3 Naga Sari.

MALAM GEMBIRA MENYAMBUK ROMBONGAN

BANDAR BRUNEI.— Malam gembira kerana merayakan ketibaan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan baginda dari United Kingdom telah berlangsung di-padang bandar ini pada 13 dan 14 haribulan.

Peraduan membaca sajak, menyanyi, lawak jenaka ada-lah antara ranchangan2 yang telah mendapat sambutan hangat daripada peminat2.

Peraduan itu telah di-jalankan dengan jaya-nya di-hadapan beribu2 orang ra'ayat yang telah datang ka-padang pada malam tersebut.

Peraduan pakai beragam telah juga di-adakan. Berbagai2 jenis pakaian chiptaan sendiri telah di-perkenalkan dengan gaya-nya.

Sa-belum peraduan itu di-jalankan dewan Civic Centre telah menjadi tumpuan beratus orang tetamu yang telah menerima jemputan makan kechil.

Di-antara pembesar negeri yang hadir ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Berhormat Tuan D. C. White, British Resident, dan Duli Pengiran Pemancha.

Hadiah2 berupa wang telah di-sampaikan kepada pemenang2 dalam berbagai2 peraduan itu.

Ranchangan sukan

KUALA BELAIT.— Satu temasha sukan antara kampung2 dan pertubuhan2 pemuda akan di-adakan oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dalam bulan June hadapan.

Permainan2 yang akan di-perandingkan ia-lah badminton, single dan double, pingpong, bola sepak dan bernang menyeberang sungai dari sekolah Melayu Lela Menchanai ka-tamatan Kastam.

Permintaan masuk bertanding di-tutup pada 4 May dan 8 June bagi pertandingan bernang. Nama2 pertubuhan atau kampung hendak-lah di-nyatakan dalam permintaan.

Kaum wanita perlu bantu kaum laki2

"JANGAN DIAM BERPELOK

TUBOH SAHAJA"

BANDAR BRUNEI. — Puan Zaitunah Abdul Khan sa-orang pemimpin Kaum Ibu, Bandar Brunei dalam keluaran Pelita Brunei kali ini menegaskan tanggung jawab kaum perempuan terhadap negara dan bangsa.

Di-bawah ini ia-lah pendapat Puan Zaitunah untuk tatapan kaum ibu:

"Di-zaman yang gemilang, di-saat kita ingin hendak menempoh zaman peralehan ini kaum wanita ada-lah mementingkan ilmu pengetahuan mengikut aliran zaman yang sedang kita tempoh.

"Kaum wanita mesti bertanggung jawab sama dengan kaum laki2 terhadap nosa dan bangsa.

"Perempuan ia-lah ratu rumah tangga seperti sabda nabi: 'Perempuan itu ia-lah pembimbing dalam masyarakat. Uga-ma Islam sangat menghargakan kaum perempuan!'"

"Ketinggian yang di-berikan kepada kaum perempuan itu mesti-lah dengan mempunyai ilmu pengetahuan untuk membimbing sa-suatu kaum di-masa hadapan dan bangsa2 yang telah maju ada-lah mendapat sokongan daripada kaum perempuan.

"Dalam tiap2 negara yang maseh mundur dapat-lah kita pestikan bahawa kaum perempuan-mya maseh belum bergerak seperti yang terbukti di-negeri kita sendiri di-mana kaum perempuan-mya maseh berpelok tuboh lagi.

"Di-zaman serba maju ini," kata Puan Zaitunah lagi, "kaum perempuan mesti-lah bergerak dalam segala segi kewajipan kerana kita hendak-lah ingat bahawa kemewahan, kesempurnaan, kemuliaan masyarakat ada-lah terletak dalam tangan kaum perempuan.

"Kesedaran ini bukan-mya baharu sahaja timbul-mya malahan telah berada di-zaman Nabi Muhammad s.a.w. Pembantu2 yang

"PEREMPUAN ITU SURI RUMAH"

KUALA LUMPUR. — Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu dalam ucapan Selamat Hari Raya baginda telah menyeru perempuan2 Melayu supaya menjadi suri rumah dan tiang negara.

Baginda berkata bahawa perempuan2 Melayu telah bergerak dari sa-hari ka-sahari dalam ranchangan2 yang berfaedah kerana negara.

besar di-zaman itu ia-lah isteri nabi sendiri ia-itu Khadijah dan kemudian-mya Aishah dan lain2 lagi.

"Perjuangan mereka itu hendak-lah di-jadikan tuladan dalam pergerakan kaum perempuan kerana satu2 pertubohan itu halal kechuali undang2 yang telah kita kanunkan itu kita sendiri melanggar-mya.

"Kaum perempuan" hendak-lah kan tenaga dan jiwa mereka dalam tindakan mebantu kaum laki2. Bangsa2 yang telah maju hari ini mendapat kerjasama yang erat dari kaum perempuan-mya," kata Puan Zaitunah.

Puan Zaitunah sa-lanjut-mya mengingatkan kaum perempuan bahawa kemajuan yang di-kehendaki itu bukan-mya bergaul dengan leluas dengan kaum laki2 keseluruhan-mya.

"Kaum perempuan hendak-lah sentiasa menjaga kehormatan dan tata tertib kesopanan. Mereka itu hendak-lah mempunyai keyakinan, pengetahuan, jauh pandangan, chergas dan mempunyai budi pekerti yang mulia dan sentiasa bertanggung jawab.

Akhir-mya Puan Zaitunah menegaskan bahawa ugama tidak menghalang kaum perempuan mengambil bahagian yang chergas dalam lapangan masyarakat kerana kebajikan umum.

"Pergaulan itu hendak-lah jangan melampaui batasan atau untuk menunjukkan kechantean kita sahaja," kata Puan Zaitunah.

PENYAKIT BULAN TUJUH MEMBUNOH TERNAKAN

Penyakit yang biasa terdapat pada ayam2 yang menyebabkan hingga semua sa-kali ayam2 pada satu kumpulan itu mati ia-lah Penyakit Bulan Tujuh atau Penyakit Sambar.

Penyakit ini di-sebabkan oleh satu benda yang bisa (virus) yang amat chepat berjangkit melalui makanan dan ayer. Ini selalu-mya terdapat pada ayam2 yang di-pelihara.

Ayam yang kena penyakit ini menjadi lemah, mata-mya sentiasa tertutup, tahi-mya chair dan sayap-mya berupa layu.

Ayam itu susah hendak bernafas dan leher-mya berbunyi (berkuroh) tatkala bernafas. Birek2 buning atau hijau selalu-mya terdapat.

Juga selalu terdapat rintek2 kuning pada sa-belah dalam mulut atau leher-mya. Kadang2 ayam itu menjadi timpang dan kapala-selalu tundok, dari 3 hingga 7 hari sa-lepas berjangkit penyakit, ayam itu pun mati.

Penyakit ini tidak ada mempunyai ubat, tetapi dapat di-jauhkan dengan jalan di-chuchok ubat.

Dengan di-chuchok ubat ayam2 akan terselamat se-lama 2 tahun dan tidak-lah ada fa'edah-mya menchuchok ayam yang sudah sakit.

Ayam2 yang berumur 6 minggu boleh di-chuchok, apabila di-chuchok setengah2 ayam demam2 dalam 1 atau 2 hari dan terganggu mengeluarkan telur, tetapi jarang-lah terdapat kematian.

Pegawai Pejabat Pertanian di-

Kemalangan jalan

TUTONG. — Dua orang anggota Polis Brunei telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya di-batu 16 Jalan Tutong apabila motosikal mereka tergelincir dari jalan.

Corporal Mohamed Tahir, penumpang motosikal yang dipandu oleh Sergeant Mahmud telah mendapat luka sedikit tetapi Sergeant Mahmud telah mendapat luka2 yang parah pada kepala-mya.

Mereka telah di-bawa ka-rumah sakit kerajaan Brunei untuk di-rawat.

Pewagai2 Pejabat Pertanian di-da'erah2 ada-lah di-tugaskan memberi ubat chuchok itu kepada orang2 Kampong yang men-ternak ayam.

HIDANGAN LAPIS BUMBU DAGING

Dalam keluaran ini Puan Halimah Hussin menghidangkan masakan Lapis Bumbu Daging mengandungi 10 macham ramuan seperti berikut:

$\frac{1}{2}$ kati Daging lembu atau kerbau, 5 biji bawang kechil di-hiris, 3 ulas bawang puteh di-hiris, 3 biji lada merah di-hiri2, 1 inchi halis di-hiris, 1 inchi lengkuas di-hiris bulat, 1 chamcha kichap, 2 biji telur ayam di-dadar sedang lebar-mya $\frac{3}{4}$ mangkok santan dari sa-keping kelapa dan asam gula dan garam.

Daging yang telah di-hiris tadi gulungkan dengan dadar telur dan di-ikat dengan benang supaya jangan terbuka. Panaskan minyak sedikit dalam periok kira2 chukup mengandong dadar dan daging itu.

Apabila minyak sudah panas, tumis lada, bawang dan halia lengkuas yang sudah di-hiris dan, ambil sedikit santan, ramas asam dalam-mya dan ayer asam itu masukkan ka-dalam periok tadi. Masukkan santan lain dan daging yang telah digulong dengan dadar telur. Masukkan garam dan gula dan biarkan mendidih sampai lembut daging itu.

Api-mya jangan besar sangat. Makanan ini chukup untuk 3 orang sahaja.



Ini ia-lah sa-bahagian besar dari para peserta sandiwara aneka warna semua bangsa anjoran Pejabat Penerangan dan Radio Brunei yang telah mempersembahkan tarian dan nyanyian mereka di-dewan Civic Centre Bandar Brunei pada 11 dan 12 April.

EMAIN2 DARI SIBU LEBEH HANDAL DARI BRUNEI

TEMASHA PERLUMBAAN PERAHU DI-SUNGAI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu perlumbaan perahu telah diadakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad lepas ia-itu satu dari beberapa acara yang telah di-uruskannya untuk menyambut keberangkatan Duli Yang Maha Mulia balek ka-Brunei dari rundingan perlembagaan di-London.

Perlumbaan itu terbuka kepada ahli2 pelumba perahu di-seluruh negeri dan sa-banyak 12 perlumbaan telah di-jalankan.

Sa-lain dari perlumbaan temasha di-sungai itu juga mengan-dongi perlawanan menangkap itek dan meniti sa-batang tiang yang telah di-lumar dengan minyak.

Temasha itu telah di-saksikan oleh beribu2 orang ra'ayat yang dari pagi2 lagi telah datang katanbatan Kastam kerana mengambil tempat.

Di-antara pembesar2 negeri yang telah datang menyaksikan perlumbaan itu ia-lah Yang Teramat Mula Duli Pengiran Bendahara.

PERLAWANAN BASKET BALL SEKOLAH2 CHINA

BANDAR BRUNEI. — Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei, bahagian perempuan, telah mengalahkan Chung Ching School, Seria, bahagian perempuan dalam satu perlawanan basket ball dengan 31 mata berbalas 5 mata.

Dalam bahagian laki2 pula, pasukan Chung Ching School, Seria telah mengalahkan Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei dengan 45 mata berbalas 28 mata.

Kedua2 perlawanan tersebut telah di-langsungkan di-kawasan Chung Ching School, Seria pada malam 6 April.

Pada malam 7 April pula, Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei telah seri 34 mata dalam satu perlawanan basket ball bahagian laki2 dengan Chung Hwa School Kuala Belait di-kawasan Chung Hwa School, Kuala Belait.

Pasukan perempuan Chung Hua Middle School, Bandar Brunei telah mengalahkan pasukan perempuan Chung Hwa School, Kuala Belait dengan 31 mata berbalas 22 mata di-kawasan tersebut juga pada malam itu.

Peratoran sukan sharikat B. S. P. di-masa hadapan

SERIA. — Meshuarat di-antara wakil dari tiap2 pejabat sharikat minyak B.S.P. telah di-adakan di-sini baharu2 ini kerana membincangkan dengan sukan tahunan.

Meshuarat itu telah di-adakan di-bangunan persatuan Shell Recreation Club dengan Tuan Macdonald Hay menjadi pengerusinya.

Di-antara perkara2 yang dibentangkan dalam meshuarat itu ia-lah; Perlumbaan2 untuk kaum wanita, penubuhan pasukan2 dan latehan.

Meshuarat itu telah juga mengambil keputusan supaya per-

Pasokan Sibul atasi Belait

KUALA BELAIT. — Pasokan basket ball Sekolah Inggris Sacred Heart Sibul telah mengalahkan satu pasukan China Kuala Belait dengan 69 mata berbalas 29 mata di-Kuala Belait pada malam Rabu yang lalu.

Pemain2 dari kedua2 pasukan tersebut telah bermain dengan hebat. Bagaimana pun oleh kerana kepintaran pemain2 dari Sibul itu, mereka telah berjaya mengalahkan pasukan China Kuala Belait.

Pasokan Sibul itu telah berangkat ka Miri, dengan jalan darat pada hari Khamis 9 April dan dari sana mereka telah balek ka-Sibul dengan menaiki kapal.

lumbaan di-antara ketua2 pejabat di-tukarkan menjadi lumbalari dalam guni tidak lagi lumbalari 50 ela.

Bicycle Chair event biasa tidak akan di-adakan lagi dalam perlumbaan2 yang akan datang tetapi satu event baharu ia-itu Obstacle Race dengan mata bertutup pula akan di-adakan sabagai ganti-nya.



Ahli2 pasukan basketball sekolah Inggeris Sacred Heart School, Sibul, dan ahli2 pasukan Murid2 Tua Sekolah2 China Bandar Brunei bergambar sa-belum bermain di-kawasan sekolah Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei. Pasokan Sibul telah mengalahkan pasukan Brunei.

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Inggris Sacred Heart, Sibul, Sarawak telah mengalahkan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 China, Bandar Brunei dengan 60 mata berbalas 48 mata dalam perlawanan basket ball pada malam Khamis yang lalu.

Perlawanan persahabatan yang cukup hebat itu di-adakan di-kawasan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China.

Kawasan tersebut telah penuh sesak dengan beratus2 orang penggemar permainan basket ball dari berbagai2 bangsa, bukan sahaja dari Bandar Brunei, bahkan dari Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong juga.

Sa-belum permainan itu di-mulai, ketua2 pasukan telah mengadakan upacara menghormati bendera pasukan lawan masing2.

Permainan baik

Dari saat pertama hingga ka-akhir perlawanan itu, pemain2 dari kedua pasukan telah menunjukkan permainan yang baik.

Pasukan Sekolah Inggris Sacred Heart telah mengalahkan pasukan Bandar Brunei itu dengan 60 mata berbalas 48 mata dalam masa pertengahan pertama dan 25 mata berbalas 22 mata masa pertengahan kedua.

Meskipun pasukan tempatan telah berkali2 membuat serbuan yang hebat dan juga beberapa kali2 pemain2-nya telah mencuba membalingkan bola ka-dalam jaring pasukan pelawat2 dari Sibul itu, tetapi mereka telah tidak berjaya mengalahkan pasukan Sekolah Inggris Sacred Heart.

Tuan Ang Kwang Teng dan Tuan Lee Yu Kuang telah mengadakan perlawanan tersebut.

Pemain2 kedua pasukan itu ada-lah terdiri dari:

Ahli2 pasukan

Sekolah Inggris Sacred Heart, Sibul — Ting Poh Kwong (ketua), J. Lau Ngo Yong, J. Lau Ngo Ching, P. Ling Swee Hing, Ting Kuok Ing, Chieng Hieng Ung, Lim Chin Kiat, Hii Hing Yee, Tang Tiong Ung dan Wong Sie Tie.

Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Bandar Brunei — Ang Kuang Joo (ketua), Joseph Lim, Job Lim, Lim Ming Thai, Teo Guan We, Kok Kun Nam, Ang Kai Heng, Leong Chuan Joo, Yapp Kai San, Ang Kwang Huat, Leong Siong Cheong dan Liaw Han Ming.

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 15 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 persembahan Orkes Irama Special
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 hiburan.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.32 Orkes Siner Seria (Ulangan).
- 7.01 Lagu2 hiburan.
- 7.15 Cherita Pendek — menyiarkan cherita2 yang di-terima daripada pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah.
- 7.30 "Tahnah dan Uchapan Selamat" — di-terbitkan oleh P. Muhammad.
- 8.00 Bintang malam.
- 8.15 Ranchangan Kaum Ibu oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

KHAMIS, 16 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 hiburan.
- 12.45 Lagu2 Melayu jati.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 Mesir.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.32 Lagu2 berunsor ugama.
- 7.01 Bachaan Koran.
- 7.15 Sharahan ugama.
- 7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir.
- 7.45 Islam di-zaman nabi2 — satu renchana mengesahkan perkembangan Ugama Islam di-zaman Nabi2 — di-terbitkan oleh Yusof H. K.
- 8.00 Pilehan lagu2 Mesir.
- 8.15 Pelajaran ugama di-udara oleh Che'gu Salleh.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

JUMA'AT 17 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Bachaan Koran dan sharahan ugama.
- 1.00 Sembahyang Juma'at di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.32 Lagu2 Mesir Istimewa (ulangan).
- 7.01 Hiboran.
- 7.15 "Lama dan Baru" Di-terbit-kan oleh Dk. Intan.
- 7.30 Hiboran oleh pancharagam tempatan (ulangan).
- 8.00 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Meninjau ka luar negeri oleh P. Muhammad.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

SABTU, 18 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 hiburan.
- 12.45 Pilehan lagu2 sukaramai persembahan Orkes Ahmad Jaafar.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 permintaan hujung minggu — Jamil Abdullah.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 6.32 Hiboran oleh Dendang Irama Orkes (ulangan).
- 7.01 "Majallah Radio" di-terbit-kan oleh Jamil Abdullah.
- 7.30 Lagu2 Pilehan Sendiri — Sa-orang pendengar di-jemput datang ka Studio untuk memilih lagu2 kesukaraan-nya Penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 8.00 Ruangan kanak2 — di-terbitkan oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 "Tidor-lah Intan" di-terbit-kan oleh Jamil Abdullah.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

AHAD, 19 APRIL

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 12.32 Hiboran oleh Orkes Dendang Irama — daripada Awg. Besar Saga.
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 dari Film.
- 1.30 Cherita Pendek (Siaran Ulangan).
- 1.45 Ruangan Mana Suka.
- 2.00 Rehat.

Siaran malam

- 7.00 Pembukaan dan rangkasan ranchangan.
- 7.01 Lagu2 Mesir — Penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 7.30 Lagu2 Permintaan suka ramai oleh Dk. Intan.
- 8.15 Ruangan bahasa dan kesusasteraan — Penerbit Jamil Abdullah.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

Pangkalan tentera di-Borneo Utara

JESSELTON. — Menteri Pertahanan British, Tuan Duncan Sandys telah sampai di-sini baharu2 ini kerana melawat ka-Kota Belud di-mana sa-buah pangkalan lathan tentera Commonwealth di-Tenggara akan di-bena.

Tuan Sandys telah datang bersama beberapa orang pegawai tentera dan telah di-sambut di-lapangan terbang oleh Pemangku Gabenor, Tuan R. N. Turner.

Tuan Sandys telah berada beberapa hari di-Borneo Utara sa-belum berlepas ka-Australia dan New Zealand dengan kapal terbang dari Labuan.

Ranchangan hendak menjadikan kawasan Kota Belud sa-bagai pusat lathan tentera itu telah di-kemukakan beberapa tahun dahulu. Kawasan itu telah disukai dan ukor baharu2 ini.

Urusan pembenaan lapangan terbang, jalan2 raya dan pelabuhan di-jangka akan di-mulakan tidak lama lagi.

Buruh tempatan akan di-guna-

Pakar2 tentera Indonesia lawat Malaya

KUALA LUMPUR. — Pakar2 tentera Indonesia di-jangka sampai ka-sini dalam bulan ini untuk memerhatikan pasokan2 bersenjata Persekutuan Tanah Melayu.

Pakar2 itu ia-lah pegawai2 angkatan laut, udara dan angkatan darat.

Mereka itu akan di-sambut oleh Colonel Raja Lope Nor Rashid, Timbalan Ketua Turus Tentera Persekutuan.

kan dalam pekerjaan pembenaan itu.

Tentera British sa-besar satu battalion di-jangka akan di-tempatkan di-pusat itu dalam masa beberapa bulan lagi.

Untuk kerja pembenaan peringkat pertama Kerajaan British telah menguntokkan \$360,000 kerana ranchangan tersebut.

DOKTOR BRITISH DI-KURNIAKAN BINTANG

LONDON. — Duli Yang Maha telah mengambil kesempatan menghormati sahabat baginda, Dr. Josef Brand, sa-orang pakar perubahan, dengan bintang Seri Makhota Brunei sa-masa baginda berada di-London kerana mengetuai rundingan perlembagaan baharu2 ini.

Dr. Brand telah di-kurniakan bintang darjah kedua ia-itu D.P.M.B. dalam satu upacara yang rengkas di-sini.

Kurnian bintang itu telah di-umumkan pada masa menyambut hari keputeraan baginda yang ke-42 dalam bulan September tahun lalu sa-bagai mengingati perkhidmatan Dr. Brand kapada baginda.

TUNTUTAN2 SEDANG DAN BERPATUTAN

(Dari Muka 4)

nan bila Kerajaan Baginda Queen menhadangkan supaya perjalanan chorak sisah negeri kami di-bentok mengikut chon-toh ini, saperti yang telah dinyatakan dengan terang dalam surat perjanjian di-antara kedua negeri kita di-tahun 1905.

"Beta mempunyai keperchayaan yang kuat bahawa masanya telah sampai untuk mengambil langkah yang pertama. Keberchayaan beta ini di-sokong oleh rombongan yang mememani beta juga oleh rayat Brunei seluroh-nya.

Chadangan2 yang akan di-kemukakan oleh penasihat2 beta, bagi pehak beta, kapada Kerajaan Baginda Queen adalah sedang dan berpatutan. Chadangan2 ini berkaitan dengan kehendak2 perubahan sisah yang patut di-jalankan di-negeri beta pada masa ini. Dalam perubahan keadaan dan bertambah-nya desakan dunia pada masa ini maka kehendak2 raayat perlu di-faha-

mi, menerusi perubahan dalam keadaan sisah. Maka dari segi ini beta dan penasihat2 beta menganggap soal2 yang perlu kita binchangkan di-sini menghendaki penyelesaian yang yang segera.

Beta telah kemukakan satu senarai yang mengandongi dua puluh satu tajok buat di-binchangkan dalam permesuaratan2 ini. Tajok2 dalam senarai ini sangat-lah mustahak buat kebajikan negeri beta di-masa yang akan datang dan beta chadangkan supaya penasihat2 kita membinchangkan tajok2 itu satu demi satu.

Dalam bentok kasar perubahan2 perlembagaan yang ber-setuju tentang dasar-nya.

Lawatan beta dengan rombongan beta bertujuan buat mengambil keputusan atas perbinchangan yang telah di-adakan sa-belum ini. Oleh itu beta perchaya bahawa persetujuan akan terchapai dalam masa yang sengkat tentang segala perkara yang berbangkitan.